

## **KONSEP UBUDIYYAH MENURUT AL-QURAN DAN KEKELIRUAN PENGGUNAANNYA DALAM BAHASA MELAYU**

***Mohd Shabri Yusof \*, Rashidah Zakariya, Mohd Nazri Ahmad & Lutpi Mustafa***

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*msy@ukm.edu.my \**

### **ABSTRACT**

*This article aims to discuss the concept of ubudiyah in al-Quran and its misconception of usage in Malay Language. This study attempts to present a few verses of al-Quran about ubudiyah. This study employs qualitative methodologies in the form of a literature review or a review of prior studies' literature. The objective of this study is to discuss the word ubudiyah that is related to a few verses of al-Quran and to translate it accurately into Malay Language. The finding from this study concludes that related verses with the word ubudiyah shall be translated into Malay Language as self-devotion.*

**Keywords:** *Ubudiyah, Misconception, Usage.*

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang konsep *ubudiyah* menurut al-Quran dan kekeliruan penggunaannya dalam bahasa Melayu. Kajian ini akan mengemukakan beberapa ayat al-Quran yang membicarakan tentang *ubudiyah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian terhadap tinjauan literatur atau kajian kepustakaan terhadap kajian-kajian lepas. Objektif kajian ini ialah mengkaji mengenai perkataan *ubudiyah* yang terkait dengan beberapa ayat dalam al-Quran dan menterjemah perkataan tersebut dengan tepat ke dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa ayat-ayat yang terkait dengan *ubudiyah* perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan makna pengabdian diri.

**Kata kunci:** *Ubudiyah, Kekeliruan, Penggunaan.*

### **PENGENALAN**

Islam telah mengemukakan konsep yang sesuai untuk anutan semua umat manusia yang membentuk persamaan hidup dan merealitkan hakikat kemanusiaan yang ada pada diri dan pemikiran manusia. Konsep tersebut ialah pengabdian diri yang meletakkan nilai-nilai perhambaan yang mutlak hanya semata-mata kepada Allah Taala sahaja. Konsep pengabdian ini mengemukakan persamaan taraf hidup dan darjat keturunan manusia, sama ada mereka itu dari golongan kaya-raya, golongan miskin, berkulit putih, berkulit hitam, dari bangsa Arab dan bukan Arab, mereka semua dapat menerima konsep pengabdian ini kerana konsep tersebut mudah diamalkan. Menurut Dr. Lutpi Mustafa el-Batnani (2022), Islam hanya mengemukakan satu pendirian hidup sahaja dalam ajarannya yang menjadi konsep asas dalam perjalanan hidup manusia, iaitu konsep *ubudiyah* (عبودية). Realiti yang dikemukakan itu menunjukkan bahawa Islam itu hanya meletakkan satu pegangan hidup, satu keyakinan hidup dan satu kepercayaan hidup. Realiti ini juga menunjukkan bahawa Islam membawa umatnya untuk berdiri tegak menghala ke satu arah, satu tuntutan, satu tujuan, satu matlamat, satu kiblat dan satu Tuhan, iaitu ketuhanan Allah Yang Maha Esa, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Konsep pengabdian ini mesti diikrar dengan sebuah pengakuan yang tulus ikhlas dan diikat pula dengan simpulan tali akidah yang terkandung dalam kalimah *Laa Ilaha Illallah Muhammad Rasulallah*, maka mereka semuanya dianggap sama sahaja sebagai warga muslim yang beriman kepada ketuhanan Allah. Dengan demikian, hakikat kewujudan manusia juga membawa pengertian kepada kehidupan itu sendiri, bahawa manusia yang dicipta oleh Allah adalah untuk mengabdikan diri kepadaNya dan beramal dengan segala tuntutanNya.

Firman Allah Ta'ala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mengabdikan diri (kepada Allah Aku).”

(al-Zariyat: 56)

Terdapat kekeliruan terjemahan perkataan *ubudiyah* dengan makna sembah atau menyembah. Sebagai contoh, terjemahan kalimah *Laa Ilaha Illallah* dengan maksud ‘Tiada Tuhan yang sebenar-benar disembah melainkan Allah’ kurang tepat dan boleh menimbulkan kekeliruan.

Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep *ubudiyah* menurut al-Quran dan membetulkan terjemahan perkataan *ubudiyah* menepati maksud asal bahasa Arab dan tidak terkeluar dari kehendak maksud tersebut dalam bahasa Melayu.

## DEFINISI *UBUDIYAH*

Bahagian ini akan menjelaskan definisi *ubudiyah* dari segi bahasa dan istilah menurut pandangan tokoh-tokoh ulama dan para ilmuwan Islam:

### *Ubudiyah* dari Segi Bahasa

Menjelaskan definisi *ubudiyah* dari segi bahasa, perkataan ini dibina di atas wazan (عَبَدَ يَعْبُدُ عِبَادَةٌ عِبَادِيَّةٌ) yang bererti beribadat atau mengabdikan diri. Ibadat merupakan ketundukan, merendahkan diri dan ketaatan kepada Tuhan (Ibn Manzur: t.t).

Daripada wazan ini, maka muncul perkataan ibadat dan *ubudiyah* yang sering diertikan dengan melaksanakan perintah dan suruhan Allah, justeru merasa tunduk dan patuh kepada Allah. Kedua perkataan ini mempunyai pengertian yang hampir sama, tetapi berbeza dari sudut konteks penggunaan. Menurut Abdullah bin Ali Bashfar (2006), perkataan ibadat bererti menghabiskan waktu hidup dengan melaksanakan perintah-perintah Allah dan beramal dengan suruhan yang ditetapkan ke atas seseorang hamba. Manakala *ubudiyah* pula merupakan kesedaran sebagai hamba Allah untuk taat kepada perintahNya. Daripada penjelasan ini, seseorang hamba yang sentiasa melaksanakan amal ibadat disebut sebagai *abid*, manakala orang yang melaksanakan *ubudiyah* disebut sebagai *abd* iaitu hamba.

Daripada wazan ini juga, maka muncul perkataan *taabudiyah* yang merupakan kata terbitan dari perkataan *taabbada* yang bererti menjadikan sesuatu itu hamba, merendahkan diri, beribadat, ketaatan dan kepatuhan yang ditakliffkan (Ibrahim Mustafa et.al:1990). Perkataan *taabbada* ini lazimnya diterjemahkan sebagai pengabdian diri kepada Allah. Terjemahan ini adalah lebih merujuk kepada asas perkataan ini yang diambil dari perkataan abdi.

Menurut Syeikh al-Nabulsi (1986), beliau menjelaskan bahawa sifat *ubudiyah* tidak mungkin terpacak dalam diri seseorang hamba tanpa melakukan ibadat, iaitu dengan melakukan amalan-amalan yang berupa ketaatan dan kepatuhan kepada perintah Allah, sama ada berupa perkataan, perbuatan atau amalan dan keyakinan (*i'tiqad*). Perlu dijelaskan, perilaku seseorang hamba boleh dibahagikan kepada tiga keadaan, iaitu; mereka yang suka melakukan ibadat, mereka yang suka melakukan maksiat dan mereka yang melazimkan diri melakukan perkara-perkara yang harus. Sekiranya seseorang hamba itu suka melakukan ibadat, bererti dia telah berjaya memperolehi nilai-nilai *ubudiyah* untuk dirinya. Tetapi, apabila seseorang hamba melakukan maksiat, dia tidak akan berjaya memperolehi nilai-nilai *ubudiyah* sehingga dia bertaubat kepada Allah, kerana taubat itu merupakan salah satu ruang ibadat yang muncul dalam *ubudiyah*. Manakala seseorang hamba yang melazimkan diri melakukan perkara yang harus adalah bergantung kepada niat. Sekiranya apa yang dilakukan itu kerana Allah, maka perkara tersebut menjadi ibadat. Namun jika sebaliknya, maka nilai-nilai *ubudiyah* akan terhindar daripada dirinya kerana perkara tersebut tidak dinilai sebagai ibadat, tetapi hanya dikira sebagai adat kebiasaan.

### ***Ubudiyah dari Segi Istilah***

Dari segi istilah, Ibn Taimiyyah (1987) dalam kitabnya *al-Ubudiyah* menjelaskan bahawa ibadat merupakan suatu perkataan yang mencakupi segala sesuatu yang diredhai Allah, sama ada ucapan atau amalan zahir dan batin, seperti solat, zakat, puasa, haji, jihad, zikir, bersifat amanah, menepati janji, amar makruf, nahi mungkar dan seumpamanya.

Firman Allah Taala:

أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ.

Maksudnya: “*Abdikan diri kepada Allah yang tiada Tuhan bagi kamu selainnya.*”  
(*al-A'raf: 59*)

Menurut Ibn Kathir (1988), ibadat dari segi bahasa ialah *al-Zillah* (الذلة) iaitu menghinakan diri kepada Allah, kerana sifat seseorang hamba adalah hina dan berada di bawah, manakala menurut istilah pula ialah himpunan dari semua rasa kecintaan, ketundukan dan ketakutan kepada Allah yang Maha Agung.

Menurut Rahman Ritonga et.al (2007), dalam kalangan ulama dan tokoh-tokoh sarjana Islam telah mengemukakan definisi mengenai ibadat atau pengabdian dalam bentuk yang kepelbagaian, di antaranya dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

**Pertama:** Menurut ulama tauhid dan hadith, ibadat atau pengabdian boleh dijelaskan sebagai konsep ke arah mentauhidkan Allah dan mengagungkanNya dengan sepenuh jiwa raga, di samping melahirkan perasaan tunduk dan hina kepadaNya.

**Kedua:** Ulama-ulama fiqh menjelaskan pengertian ibadat atau pengabdian sebagai segala bentuk tanggungjawab yang dilaksanakan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah dan ganjaran pahala di hari akhirat.

**Ketiga:** Manakala tokoh-tokoh akhlak pula menyatakan ibadat atau pengabdian sebagai amalan yang dikerjakan kerana menzahirkan ketaatan kepada Allah yang berpandukan kepada acuan syariat.

**Keempat:** Terarah kepada pandangan ahli hakikat, konsep pengabdian dalam syariat Islam mempunyai dua elemen, pertama; melahirkan perasaan tunduk dan cinta yang sangat mendalam terhadap Allah dan kedua, melahirkan perasaan hina yang bersangatan terhadap Allah.

Dengan pengertian-pengertian ini dapat dijelaskan, bahwa konsep pengabdian merupakan amalan yang dilakukan untuk mendapat kecintaan dan keredhaan Allah, sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan, secara terang-terangan atau secara tersembunyi yang bertujuan untuk mengagungkan Allah dan mendapat ganjaran pahala di sisiNya. Oleh itu, seseorang hamba yang ingin mendapat redha dan ganjaran pahala di sisi Allah perlu menterjemahkan nilai-nilai pengabdian dalam bentuk kecintaan yang mendalam dan ketundukan kepadaNya melebihi segala-gala yang lain.

Firman Allah Taala:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَبُيُوتٌ تَحْسَبُونَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Maksudnya: “Katakan, sekiranya bapa-bapa mu, anak-anak mu, saudara-saudara mu, isteri-isteri mu, keluarga mu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatir kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan RasulNya serta berjihad di jalanNya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNya, Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang fasik.”

(al-Taubah: 24)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: “Tidak beriman seseorang di antara kamu sehingga aku lebih dicintai daripada anaknya, kedua ibubapanya dan seluruh manusia.”

(Riwayat al-Bukhari)

Konsep *ubudiyah* yang hendak dibentuk ke dalam sistem kehidupan perlu diterjemahkan melalui proses pelaksanaan yang dilakukan secara praktikal. Konsep ini tidak hanya terbatas dalam ruangan ibadat sahaja, bahkan meliputi pelbagai lapangan hidup, sama ada dalam sistem ekonomi, politik, sosial, kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

Oleh itu, Islam hanya mengemukakan satu pengakuan sahaja dalam merealisasikan konsep *ubudiyah*, iaitu mengesakan ketuhanan Allah, baik pada zatNya atau pada sifatNya atau pada af alNya. Bererti, tiada sekutu dengan perkara-perkara lain atau benda-benda lain atau pun unsur-unsur lain untuk dikongsi dengan ketuhanan Allah, Maha Suci Allah daripada yang demikian itu.

## KONSEP UBUDIYAH MENURUT AL-QURAN

Di dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menyebut tentang *ubudiyah* atau pengabdian, di antaranya dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Wahai manusia, abdikan diri kepada Tuhan mu yang telah mencipta kamu dan orang-orang yang sebelum mu agar kamu bertakwa.”

(al-Baqarah: 21)

Daripada ayat di atas, maka dapat difahami bahawa pengabdian hidup adalah hanya kepada Allah, Tuhan yang Maha Pencipta. Maksud perkataan 'u'budu' (اعْبُدُوا) dalam ayat di atas diertikan sebagai menghambakan diri atau *ubudiyah* kepada Allah. Maksudnya, seseorang hamba bukan hanya melakukan amal ibadat, tetapi wajib menerima hakikat sebagai seorang hamba kepada Allah. Oleh itu, setiap hamba wajib taat dan patuh kepada apa sahaja yang disuruh dan diperintah oleh Allah kepada kita.

Dengan demikian, perkataan 'u'budu' (اعْبُدُوا) dalam ayat di atas tidak boleh diterjemahkan dengan makna menyembah kerana mereka yang menyembah itu pasti dianggap sebagai penyembah. Maka, adalah tidak sayugia kita umat Islam dikatakan penyembah Allah, kerana perkataan ini boleh mendatangkan kekeliruan kepada manusia. Keadaan ini akan memberi gambaran bahawa Allah itu semacam satu objek yang disembah dan perkara ini adalah dilarang dalam syariat.

Imam Jalaluddin al-Sayuti (t.t). menafsirkan perkataan 'u'budu' (اعْبُدُوا) sebagai *wahhidu* (وَحْدًا) iaitu mengesakan Allah. Ayat ini merupakan gesaan Allah terhadap manusia agar mengabdikan diri kepadaNya supaya mereka terlindung dari azabNya yang pedih.

Imam al-Tabari (1988) dalam tafsirnya menjelaskan, ayat ini ditujukan kepada golongan musyrikin di Kota Mekah, golongan munafikin di Kota Madinah dan kumpulan-kumpulan yang lain. Allah memerintahkan mereka supaya tunduk, patuh, merendahkan diri dan mengesakanNya. Perintah Allah ini untuk menjelaskan bahawa Dia adalah Maha Pencipta segala-galanya, termasuk mereka, nenek moyang mereka, berhala mereka dan semua bentuk yang dianggap sebagai Tuhan oleh mereka. Justeru, Dia adalah Tuhan yang lebih layak ditaati dan diabdikan daripada sembahsan-sembahsan yang tidak memberi apa-apa manfaat kepada mereka. Imam al-Tabari juga menukikkan pandangan Ibn Abbas r.a. yang menjelaskan, bahawa maksud pengabdian dalam surah ini sebagai perintah mentauhidkan Allah, iaitu mengesakanNya daripada unsur-unsur syirik. Perkara ini merupakan perintah untuk mengesakan ketaatan dan pengabdian hanya kepada Allah semata-mata, bukan kepada makhluk.

Menurut Imam al-Baghawi (1993), beliau memetik kata-kata dari Abdullah bin Abbas r.a. yang menyatakan, bahawa ayat-ayat Quran yang terkait dengan perkataan ibadat bermaksud tauhid. Dengan demikian, ayat ini menggesa agar manusia sentiasa bertakwa kepada Allah agar terhindar dari azabNya dan mendapat perlindunganNya.

Manakala Imam al-Baidhawi (t.t) dalam tafsirnya *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil* mengatakan bahawa, dalam ayat ini Allah memberi peringatan kepada hambaNya bahawa sifat takwa merupakan puncak tertinggi bagi mereka yang mengharungi perjalanan spiritual, iaitu mereka yang hanya bergantung erat kepada Allah semata-mata. Beliau menjelaskan, seseorang hamba tidak harus terpedaya dengan ibadatnya dan dia hendaklah sentiasa berada dalam keadaan takut dalam mengabdikan diri kepadaNya. Jalan untuk mencapai ke arah *makrifatullah*, mengetahui keesaanNya dan keharusan mengabdikan diri kepadaNya ialah dengan bermuhasabah diri, menganalisis ciptaanNya dan membuktikan perbuatannya dengan amal ibadat.

Beliau kemudian membuat kesimpulan mengenai ayat ini, bahawa seorang hamba tidak harus melakukan ibadat kerana ingin mendapatkan ganjaran pahala, kerana ibadat seseorang itu merupakan bentuk syukur di atas nikmat-nikmat yang dikurniakan, iaitu nikmat penciptaan.

Seseorang hamba yang mengharapkan ganjaran pahala di atas ibadatnya seolah-olah seorang buruh yang mengambil upah sebelum melakukan kerja.

Firman Allah Taala:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ

Maksudnya: *“Dan mereka tidak disuruh melainkan mengabdikan diri kepada Allah dengan penuh keikhlasan dalam menjalankan urusan agama dengan lurus.”*

*(al-Bayyinah: 5)*

Menurut Abu al-Laith al-Samarqandi (1993), beliau menafsirkan terma *Li Ya 'budu* (لِيَعْبُدُوا) dalam ayat di atas sebagai mengesakan Allah dan mentaati perintahNya. Perlu dijelaskan, seruan dakwah disampaikan kepada orang-orang kafir ialah supaya mereka mengesakan Allah, seruan dakwah disampaikan kepada ahli maksiat pula ialah supaya mereka mentaati perintah Allah, manakala seruan dakwah disampaikan kepada golongan munafikin ialah supaya mereka mengikhlaskan diri dalam mengabdikan diri kepada Allah.

Oleh itu, dalam melakukan ibadat kepada Allah, kewajiban seseorang hamba ialah mengikhlaskan diri dan dilaksanakan dengan penuh kecintaan kepadaNya, justeru menghindarkan diri dari sikap takabbur, bangga diri, *ujub*, *riya'* dan lain-lain.

Manakala Syeikh Muhammad Ali al-Sobuni (1981) menjelaskan, bahawa Allah hanya menerima amal ibadat yang dilakukan secara ikhlas sahaja, kerana ikhlas yang dimaksudkan sebagai pengabdian hanya semata-mata kepada Allah. Oleh demikian itu, ikhlas dalam melakukan ibadat ialah sentiasa istiqamah, konsisten dan berterusan dalam mengerjakan ajaran agama.

Firman Allah Taala:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya: *“Sesiapa yang mahu berjumpa dengan Tuhannya, maka hendaklah mengerjakan amal soleh dan jangan menyekutukan dalam ibadat kepada Tuhannya dengan sesuatu.”*

*(al-Kahf: 110)*

Perlu difahami, amalan-amalan yang dilakukan dalam ibadat tidak boleh bercampur-baur dengan unsur-unsur syirik, kerana amalan-amalan tersebut adalah sia-sia. Dengan demikian, keikhlasan merupakan elemen penting sebagai pengukuhan dari konsep keesaan Allah sebagaimana ungkapan dalam syahadat; Tiada Tuhan yang sebenar-benar selain Allah. Ungkapan ini menjelaskan tentang pengingkaran terhadap unsur-unsur syirik dalam jiwa seorang hamba sebagai syarat sah diterima dalam ibadat.

Menurut pandangan Syeikh Muhammad Abduh (1988), beliau menekankan persoalan ikhlas dalam melaksanakan amal ibadat, iaitu sentiasa merasa tenang, khusyuk dan terhindar dari sifat *riya'* dan sifat-sifat mazmumah yang lain.

Perkara yang sama juga dijelaskan oleh Ibn Kathir (1988) dalam menafsirkan terma *Iyyaka Na'budu* (إياك نعبد) dalam surah al-Fatihah, bahawa konsep ibadat boleh dibahagikan kepada dua unsur, iaitu jasmani dan rohani. Unsur jasmani dapat dijelaskan sebagaimana yang terdapat dalam

ibadat solat yang mengandungi perbuatan rukuk, sujud, duduk dan lain-lain. Manakala unsur rohani pula ialah menanamkan kesedaran dalam jiwa tentang keagungan Allah dan keikhlasan hati ketika melakukan amal ibadat kepadaNya.

Firman Allah Taala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada Ku.”

(*al-Zariyat: 56*)

Menurut Syeikh Abd Muin Salim (1999), bahawa ayat-ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *abd* (عبد) atau yang serupa atau yang dekat maknanya adalah mempunyai pengertian yang sama iaitu *al-Khad'u* (tunduk merendahkan diri), *al-Khusyu'* (khusyuk), *al-Tha'at* (mentaati) dan *al-Zill* (menghinakan diri). Penjelasan ibadat dari sudut agama merupakan sebuah konsep berisi *mahabbah* yang sempurna, ketaatan dan *khawatir*. Ertinya, dalam program ibadat terkandung rasa *mahabbah*, iaitu keagungan cinta yang sangat mendalam kepada Allah, kepatuhan, ketundukan dan rasa *khawatir*, iaitu kebimbangan terhadap amalan-amalan yang dilakukan tidak diterima oleh Allah.

Menurut Muhammad Rasyid Redha (1988) yang memetik kenyataan Syeikh Muhammad Abduh dalam Tafsir al-Manar, beliau menjelaskan bahawa ibadat merupakan ketaatan hamba terhadap perintah Allah yang telah mencapai puncak kesedaran dalam hatinya kerana mengagungkan Allah. KeagunganNya tidak terbatas dan tidak ternilai yang meliputi kekuasaanNya, kekayaanNya, ciptaanNya dan lain-lain.

Manakala Syeikh Hasbi Ash-Shiddieqy pula menjelaskan, bahawa maksud ibadat ialah taat, menurut, mengikut, tunduk dan doa. Ini kerana, ibadat merupakan suatu bentuk ketundukan dan ketaatan untuk mencapai maqam yang tinggi di sisi Allah. Perkara ini muncul dalam diri seseorang hamba kerana adanya keyakinan untuk mencapai redha dan *mahabbah*Nya.

Daripada penjelasan dan huraian ini, Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (1992) telah membuat rumusan, bahawa pengertian ibadat atau *ubudiyah* mempunyai maksud sebagaimana berikut:

**Pertama:** Ibadat dengan maksud *al-Tha'at* (الطاعة) yang dijelaskan dalam al-Quran sebanyak 128 kali dalam pelbagai bentuk prosa kata. Pada asasnya, perkataan *al-Tha'at* ini bererti sentiasa menurut perintah, tunduk dan patuh kepada Allah dan RasulNya.

**Kedua:** Ibadat dengan maksud *al-Khad'u* (خضع) yang dijelaskan dalam al-Quran sebanyak dua kali, iaitu dalam Surah al-Syu'ara', ayat 4 dan Surah al-Ahzab, ayat 32. Pada asasnya, perkataan *al-Khad'u* ini mengandungi maksud merendahkan dan menundukkan diri.

**Ketiga:** Ibadat dengan maksud *al-Zill* (الذل) yang dijelaskan dalam al-Quran sebanyak 24 kali. Pada asasnya, perkataan ini bermaksud kerendahan atau kehinaan.

Dengan huraian-huraian ini dapat difahami bahawa maksud ibadat atau *ubudiyah* merupakan amalan atau perlakuan atau perbuatan manusia yang menunjukkan ketaatan kepada peraturan atau perintah Allah. Dalam erti kata yang lain, bahawa seseorang hamba yang beribadat

adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah, taat dan patuh kepada perintahNya, melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang.

### **KEKELIRUAN TERJEMAHAN PERKATAAN *UBUDIYYAH***

Dalam kalangan pengkaji terdapat mereka yang menterjemahkan perkataan *ibad* atau ibadah atau *ubudiyah* yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'an atau hadith-hadith dengan makna sembah atau menyembah. Perkara ini juga dapat dilihat dalam beberapa karya dan penulisan buku-buku ilmiah dalam kalangan para sarjana dan ilmuan. Perkara ini bukan suatu kesalahan, tetapi dianggap sebagai tidak tepat, kerana perkataan *ibad* atau ibadah atau *ubudiyah* dan perkataan-perkataan yang dibina di atas *wazan* tersebut adalah tidak sama dan tidak seerti serta tidak menepati dengan sembah atau menyembah. (el-Batnani: 2022).

Terdapat penulisan yang menterjemahkan perkataan *ubudiyah* atau *wazan-wazan* yang dibina di atas perkataan tersebut seperti *ibad* (عِبَادَة) atau ibadah (عِبَادَة) ke dalam bahasa Melayu tidak menepati padanan makna yang sebenar. Sebagai contoh, dalam kitab al-Quran al-Karim (Tajwid dan Terjemahan al-Amin) (2018), perkataan (نَعْبُد) dalam Surah al-Fatihah ayat 5 diterjemah dengan makna menyembah, begitu juga dalam Surah al-Baqarah ayat 83 perkataan (تَعْبُدُونَ) diterjemah dengan makna menyembah dan dalam Surah al-Bayyinah ayat 5, perkataan (لِيَعْبُدُوا) diterjemah dengan makna menyembah. Namun, menurut Ibn Manzur (1997) dalam *Lisan al-Arab* dan Sa'di Abu Jayb (1988) dalam *al-Qamus al-Fiqhi* menjelaskan makna, *ubudiyah* sebagai (وَالذَّلِ الْخُضُوعِ) iaitu kepatuhan dan penghinaan. Dalam kamus al-Khalil Bahasa Arab - Bahasa Melayu (2006) perkataan *ubudiyah* diterjemah dengan makna perhambaan. Manakala dalam kamus Dwibahasa (1999), perkataan abdi diterjemahkan dengan makna *devotee* iaitu orang yang mengabdikan diri kepada Tuhan. Berbeza dengan perkataan sembah, di mana perkataan ini diterjemah dengan makna *worship* atau *respectful* yang bererti menyembah, memuja dan menyanjung. (Kamus Dwibahasa: 1999)

Dengan penjelasan ini, perkataan *ubudiyah* perlu diterjemah dengan makna mengabdikan diri (*devotee*) atau menghambakan diri, iaitu (وَالذَّلِ الْخُضُوعِ) iaitu kepatuhan dan penghinaan, kerana mereka yang mengabdikan diri merasa patuh dan hina. Berbeza dengan perkataan sembah, di mana perkataan ini menunjukkan objek yang disembah berada di hadapan.

Menurut Mujieb et. al. (1997), maksud ibadah ialah perkara yang terkait dengan memperhambakan diri kepada Allah. Manakala menurut Muhaimin (1994) yang memetik kenyataan Abu A'la al-Maududi menjelaskan, bahawa perkataan ibadah bererti perhambaan. Dalam kajian Maryani (2021) pula, beliau menjelaskan bahawa perkataan *ta'abbud* dan *ubudiyah* bererti menghambakan diri, di mana semua bentuk ketaatan yang bersifat keredhaan Allah dinamakan ibadah. Beliau membawa pandangan tokoh-tokoh ulama tauhid yang menjelaskan makna ibadah sebagai tujuan kehidupan manusia, mengesakan Allah, menjauhkan diri dari perbuatan syirik dan membezakan kehidupan Ilahiyah dengan lain-lain agama.

Terarah kepada pandangan Abd al-Rahman bin Husain (1433H), perkataan ibadah bererti merendah diri dan tunduk, kerana orang-orang Arab menyebut jalan yang biasa dilalui dengan istilah (طَرِيقِ مَعْبُدِ) *Thariq Mu'abbad* (Ibn Kathir: 1988), iaitu jalan yang dihinakan kerana dipijak-pijak



oleh tapak kaki manusia sehingga ibadah boleh diertikan dengan merendah diri, ketundukan dan kepatuhan (Solih al-Fauzan:1409H). Menurut Abd al-Rahman al-Sa'di (2002), beliau merumuskan ibadah dengan makna ketundukan diri dalam melaksanakan perintah Allah dan menjauh diri daripada larangan-laranganNya serta membenarkan berita yang diturunkanNya. Beliau kemudian menjelaskan asas hukum ibadah dalam al-Quran terarah kepada tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah, sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada Ku.”

(al-Zariyat: 56)

Dengan demikian, menterjemah perkataan *ibad* atau ibadah atau *ubudiyah* atau *ta'abbud* dengan makna disembah adalah kurang tepat dan mengelirukan dalam memahami perkataan ini. Berbicara dari sudut bahasa, perkataan sembah merupakan pernyataan hormat dan khidmat dengan dinyatakan cara menangkup kedua-dua belah tangan atau menyusun sepuluh jari lalu diangkat ke atas hingga ke bawah dagu dan juga hingga ke atas dahi atau dengan menyentuh ibu jari ke hidung atau ke dahi, perkataan ini juga ditujukan kepada orang yang dimuliakan. Menyembah boleh dijelaskan sebagai menghormati dengan mengangkat sembah, memuja sesuatu sebagai tuhan atau dewa (Kamus Dewan: 2005).

Menurut Mohammad Fadzeli et. al. (2024), beliau menjelaskan perkataan sembahyang dipinjam daripada Bahasa Sanskrit, secara etimologinya merupakan gabungan perkataan di antara perkataan ‘sembah’ dan perkataan ‘yang’. Perkataan ‘sembah’ merupakan perbuatan dan manakala perkataan ‘yang’ pula merujuk kepada patung yang disembah. Justeru, perkataan sembahyang sebenarnya bermaksud menyembah patung bernama ‘yang’.

Kenyataan ini sama dengan kajian Prof. Dr. Noriah Mohamed (1999), iaitu pakar Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama, yang menjelaskan perkataan ‘sembah’ dalam bahasa Sanskrit bermaksud pemujaan. Ini kerana, penganut dalam Agama Hindu telah menggunakan perkataan ‘sembah’ bagi tujuan memuja Dewa Agung mereka. Oleh itu, daripada perkataan ini wujudnya perkataan ‘sembahyang’ yang berasal daripada perkataan ‘sembah’ bagi menyembah berhala yang bernama Hyang.

Manakala menurut Asmah Omar (1988), fungsi perbuatan sembah sebagai penggerak komunikasi di dalam bahasa diraja. Sekiranya rakyat ingin berjumpa dengan raja atau berhadapan dengannya, maka rakyat perlu mengangkat sembah sebagai junjungan hormat kepadanya. Di antara ungkapan sembah ialah: “*Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.*”

Terjemahan perkataan *Laa Ilaha Illallah* dengan maksud ‘Tiada Tuhan yang sebenar-benar disembah melainkan Allah’ adalah kurang tepat. Terjemahan yang betul ialah ‘Tiada Tuhan yang sebenar-benar diabdikan melainkan Allah.’ Ini kerana maksud kalimah *Laa Ilaha Illallah* yang diterjemah dalam bahasa Arab sebagai (لا معبود بحق إلا الله) iaitu ‘Tiada pengabdian yang sebenar-benar melainkan Allah’. Oleh itu, perkataan abdi dengan perkataan sembah mempunyai makna yang sangat jauh berbeza. Perkataan abdi merujuk kepada perasaan yang bersifat pengabdian atau nilai-nilai perhambaan yang merujuk kepada perasaan rendah diri. Manakala perkataan sembah

pula merujuk kepada rasa penghormatan, di mana benda atau objek atau apa-apa yang disembah itu terdapat di hadapan penyembah yang melakukan ritual.

Oleh itu, terjemahan yang tepat bagi perkataan *Laa Ilaha Illallah* ialah dengan maksud ‘Tiada Tuhan yang sebenar-benar diabdikan melainkan Allah’, bukan ‘Tiada Tuhan yang sebenar-benar disembah melainkan Allah.’

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, terjemahan perkataan ibadat atau *ubudiyah* yang terkait dengan ayat-ayat al-Quran dengan makna menyembah dalam bahasa Melayu adalah tidak tepat. Ini kerana, perkataan abdi atau *ibad* atau ibadat atau *ubudiyah* atau perkataan-perkataan yang dibina di atas wazan tersebut adalah sangat jauh berbeza dengan perkataan sembah atau menyembah. Justeru, perlu ditegaskan bahawa pengertian ibadat atau *ubudiyah* bukan penyembahan, tetapi bermaksud pengabdian diri kepada Allah.

## RUJUKAN

- Abd al-Rahman bin Husain. (1433H). *Fath al-Majid li Sharh Kitab al-Tauhid*. Qahirah: Maktabah Dar al-Hijaz.
- Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'di. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Abd. Muin Salim. (1999). *Jalan Lurus Menuju Hati Sejahtera; Tafsir Surah al-Fatihah*. Jakarta: Yayasan Kalimah.
- Abdullah bin Ali Bashfar. (2006). *Ta'amulat fi Surah al-Fatihah*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.
- Abu Abdullah Hanafi Dollah. (2006). *Al-Khalil Bahasa Arab -Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abu al-Laith al-Samarqandi, (1993). *Tafsir al-Samarqandi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud. (1993). *Tafsir al-Baghawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baidhawi, Abi Sa'id Abdullah bin Umar bin Muhammad al-Syairazi. (t.t). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil*. Jeddah: Haramain.
- Al-Nabulsi, Abdul Ghani bin Ismail. (1986). *Haqa'iq al-Islam wa Asraruhu*. Dar al-Turath al-'Arabi.
- Al-Tabari, Ibn Jarir. (1988). *Jami' al-Bayan 'An Takwil Ayyi al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Quran al-Karim. (2018). *Al-Quran al-Karim (Tajwid dan Terjemahan al-Amin)*. Selangor: Humaira Publication Sdn.Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida Muhammad Ismail. (1988). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Qahirah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Manzur. (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibn Taimiyyah. (1987). *Al-Ubudiyah: Being a True Slave of Allah*. Translated by: Abdallah M. Mekkaoui. Publisher: Ta-Ha Publishers Ltd. (UK)
- Ibrahim Mustafa et.al. (1990). *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Da'wah.
- Jalaluddin al-Sayuti dan Jalaluddin al-Mahalli. (t.t.). *Tafsir al-Imamayn al-Jalalyn*. Beirut: Dar al-Makrifat.
- Kamus Dewan Bahasa. (2005). *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: DBP.

- Kamus Dwibahasa (1999). *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: DBP.
- Lutpi Mustafa el-Batnani. (2022). *Epistemologi Islam*. Selangor: Yayasan Abadi.
- Maryani. (2021). Esensi Ibadah dan Pengamalannya Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Literasiologi* 1. Volume 7 No. 1, Juli – Desember 2021.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Indirawati Sahid dan Noorazlin Abu Bakar. (2024). Taksonomi Kata Pinjaman Arab-Melayu Dari Aspek Gramatikal. Manuscript accepted *Issues in Language Studies* 13(1) June 2024.
- Muhaimin, Tadjab, Abd. Mudjib. (1994). *Dimensi-dimensi Studi Islam*. Surabaya: Karya Abditama.
- Muhammad Ali al-Sobuni. (1981). *Shafwa al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. (1992). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfazh al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Rasyid Redha. (1988). *Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Musamma Tafsir al-Manar*. Qahirah: Maktabah al-Qahirat.
- Mujieb, M. A., Tholhah, M., & Am, S. (1997). *Kamus Istilah Fiqh*. Selangor: Advance Publication.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Universiti Sains Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahman Ritonga dan Zainuddin. (2007). *Fiqh Ibadah*. Gaya Media Pratama.
- Sa'di Abu Jayb (1988). *Al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Solih al-Fauzan. (1409H). *al-Irsyad ila Shahih al-I'tiqad*. Maktabah Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud.
- TM. Hasbi Ash-Shiddieqy. (1991). *Kuliah Ibadah: Ibadah Ditinjau dari Segi Hukum dan Hikmah*. Jakarta: Bulan Bintang.